

20/07/2005

Umno-Puteri (Maaf)

PEMIMPIN PUTERI JUGA MAHU RAFIDAH MINTA MAAF PADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Beberapa pemimpin Puteri Umno hari ini meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memohon maaf secara terbuka kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Permit Import (AP).

Mereka yang ditemui berpendapat Rafidah perlu memohon maaf kepada Dr Mahathir yang telah banyak menabur bakti kepada Umno dan rakyat negara ini.

"Saya rasa wajar untuk dia (Rafidah) minta maaf kerana bagi saya walaupun Tun (Dr Mahathir) tidak lagi bersama kita dalam parti atau dalam kerajaan tetapi beliau adalah orang yang kita tidak sepatutnya lupakan kerana perjuangan dan sumbangannya," kata Penolong Setiausaha pergerakan itu, Bibi Sharliza Mohd Khalid.

Bibi Sharliza berkata Rafidah perlu menyatakan kepada umum pendiriannya jika beliau merasakan tidak perlu memohon maaf kerana tindakannya itu bukan bermaksud menyinggung perasaan Dr Mahathir.

"Apa yang kita mahu adalah penjelasan yang pasti daripada pihak dia (Rafidah) walaupun kita tahu dia tidak berniat begitu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Penolong Bendahari pergerakan itu, Suraya Yaacob juga sependapat dengan Bibi Sharliza dengan mengatakan ia perlu diselesaikan melalui perjumpaan peribadi antara Rafidah dan Dr Mahathir dan bukan hanya melalui surat menceritakan proses pemberian AP yang telah menjadi isu.

"Surat itu macam formal (sahaja), macam surat kerajaan...kena ada caralah. Macam kita layan bapa kitalah, takkan minta maaf melalui surat pula," kata Suraya yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Sungai Tiang.

Anggota jawatankuasa Puteri Umno Bahagian Jelutong Che Puteh Abu Bakar turut senada dengan rakan-rakannya dan berkata tindakan memohon maaf itu akan membawa kebaikan kepada parti.

"Ibarat satu keluarga, walaupun minta maaf tidak bermakna dia (Rafidah) bersalah tetapi lebih kepada hormat orang yang lebih tua. Umpama anak meminta maaf pada ayah walaupun hakikatnya anak itu tidak bersalah," katanya.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno Bahagian Kelana Jaya Norhazlin Ahmad pula berpendapat isu itu telah selesai apabila Rafidah menghantar surat penjelasannya kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

LES MUN NBB KHY